

**UCAPAN PERDANA MENTERI KEPADA PE-
SERTA-PESERTA KURSUS JAWATANKUASA
KEMAJUAN KAMPUNG DI ALOR STAR, KEDAH
PADA 11HB NOVEMBER, 1973**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara Pengerusi Majlis, Y.A.B. Datuk Syed Ahmad Shahabud-
din, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima-
kasih kepada mereka yang bertanggungjawab mengaturkan kursus
ini dan memberi saya peluang untuk bertemu muka serta berucap
sepatah dua kepada saudara-saudara sekalian,

Seperti yang sedia dimaklum, kita sekarang sedang giat men-
jalankan usaha-usaha pembangunan negara yang menyeluruh dan
meliputi semua peringkat dari pusat ke negeri dan daerah hingga
ke kampung. Untuk mencapai kejayaan yang sepenuhnya, segala
usaha pembangunan tentulah memerlukan kerjasama dan peng-
libatan rakyat lebih-lebih lagi usaha-usaha pembangunan adalah
bertujuan memperbaiki dan meninggikan taraf hidup rakyat, dan
bagi jangka panjangnya membina masyarakat adil, makmur dan
bahagia di negara ini.

Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi
Baru sudahpun berjalan hampir tiga tahun dan setakat ini pe-
laksanaan rancangan-rancangan di bidang fizikal bolehlah di-
katakan memuaskan. Tetapi ini hanya satu cabang saja dari tujuan
kita dan saya belum puas hati dengan pelaksanaan rancangan
menyusun semula masyarakat yang akan menjamin kestabilan
negara di masa hadapan.

Dalam hal ini, saudara-saudara sedia maklum matlamat Kera-
jaan ialah supaya kaum Bumiputra dapat menyertai sekurang-
kurangnya 30% pada semua peringkat dan bidang perdagangan
dan perusahaan dalam tempoh dua puluh tahim. Untuk tujuan
ini. Kerajaan telah menyediakan seberapa banyak peluang melalui
institusi-institusi dan badan-badan yang sedia ada iaitu MARA,
PERNAS, SEDC dan juga yang baru ditubuhkan seperti UDA,
FIMA, Majuikan dan Pertubuhan Peladang. Apa yang perlu
sekarang ialah bagi kaum Bumiputra mengejar peluang-peluang

yang telah diseciikan oleh Kerajaan dan oleh itu amatlah mustahak bagi rakyat mengubah sikap dan tampil ke hadapan menyertai segala rancangan pembangunan untuk kebaikan mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Tahun lalu saya telah melancarkan Gerakan Pembaharuan di Dungun. Tujuan Gerakan Pembaharuan ini ialah untuk memberi nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan, terutama pembangunan di luar bandar. Kerajaan sedar bahawa gulungan rakyat yang menghendaki tumpuan perhatian ialah penduduk-penduduk di luar bandar dan kepada mereka itulah khususnya Gerakan Pembaharuan ini ditujukan. Pada hemat saya jentera yang penting bagi melaksanakan cita-cita Gerakan Pembaharuan ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Saudara-saudara yang menjadi Jawatankuasa Kemajuan Kampung mempunyai peranan yang besar dalam usaha kita hendak membawa kemajuan ke kampung-kampung kerana saudara-saudara sendiri datang dari kampung dan faham benar masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan harapan mereka.

Oleh sebab itulah saya telah mengarahkan supaya digiatkan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung kerana Jawatankuasa ini boleh disifatkan sebagai jambatan atau penyambung antara rakyat dan Kerajaan. Lebih-lebih lagi ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung mempunyai peranan istimewa sebagai "Pelupur dan Pemaju" kampung masing-masing dan hendaklah sentiasa menunjukkan contoh yang baik kepada rakyat di kampung amnya.

Di masa-masa yang sudah, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung telah memberikan sumbangan yang besar dan saya sangat berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan selama ini. Saya berharap sokongan dan kerjasama yang diberi oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini akan berterusan demi kebaikan kampung dan masyarakat amnya.

Memandang pada betapa pentingnya J K K ini, saya akan memberi perhatian berat terhadap perjalanan dan kegiatannya dari semasa ke semasa. Oleh itu saya telah mengarahkan Pegawai pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah supaya bersama-sama memberi perhatian berat terhadap perjalanan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan melapurkan kepada saya Jawatankuasa Kampung mana yang aktif dan mana yang tidak

aktif. Selanjutnya, saya telah mengarahkan Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah supaya selalu melawat ke kampung-kampung dan memberi bimbingan kepada ahli-ahli Jawatankuasa dalam menjalankan tugas mereka yang penting ini.

Di Kedah ini saja terdapat 647 Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan dengan kerana bilangan yang banyak Kerajaan telahpun mengadakan jawatan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat yang khusus bertugas untuk membimbing Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Saya harap saudara-saudara sekalian akan memberi kerjasama dan menerima bimbingan yang diberi oleh pegawai-pegawai berkenaan iaitu Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Satu perkara yang saya harap saudara-saudara sekalian akan sentiasa menitikberatkan ialah masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di kampung seperti persekolahan anak-anak, kesihatan keluarga dan peluang-peluang pekerjaan untuk belia-belia di kampung di samping mendidik mereka supaya mengubah sikap serta menerima nilai-nilai sosial masyarakat moden. Perkara perkara inilah yang dititikberatkan dalam Gerakan Pembaharuan terutama bagi menjadikan orang-orang kita manusia baru dalam context ekonomi sosial dan kesedaran politik.

Kerajaan akan terus mengambil dayausaha bagi menggalakkan penyertaan rakyat di kampung dalam usaha-usaha pembangunan. Salah satu langkah ialah merancang pertandingan diantara kampung-kampung untuk mengejar dan menunjukkan kemajuan. Tujuan pertandingan ini bukanlah setakat berlumba untuk mendapatkan hadiah-hadiah sahaja tetapi juga untuk menanamkan semangat berlumba dan ingin maju dalam segala lapangan hidup. Matlamat utama disebalik pertandingan itu ialah untuk membangunkan kesedaran setiap anggota masyarakat di kampung-kampung bagi memperbaiki keadaan tiap-tiap kampung terutama cara kehidupan sehari-hari. Dengan adanya pertandingan seumpama ini kampung-kampung yang kurang maju akan berusaha mencontohi kampung-kampung yang maju dan sama-sama bergerak ke hadapan ke arah kemajuan yang lebih bermakna.

Kerajaan sedar bahawa Jawatankuasa Kemajuan Kampung memerlukan bimbingan dalam menjalankan tugas dan peranan

mereka sebagai Pelupur dan Pemaju dalam usaha-usaha pembangunan di kampung masing-masing. Oleh itu amatlah mustahak ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung meluaskan pandangan dan scope pemikiran mereka supaya dapat memainkan peranan dengan lebih sempurna. Kursus-kursus seperti ini adalah satu cara yang baik supaya semangat dan cara pemikiran Gerakan Pembaharuan berkembang subur dalam hati sanubari kita dan kesedaran itu menjadikan kita sekalian betul-betul terikat atau "committed" terhadap usaha-usaha pembangunan masyarakat. Saya berpendapat sebelum kita tampil ke depan mempelupuri usaha-usaha pembangunan di kampung, kita sendiri mestilah memahami akan konsep dan semangat Gerakan Pembaharuan yang sebenar. Dengan cara beginilah barulah dapat peranan pelupur dan pemaju ini dilaksanakan dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Saya difahamkan sebagai lanjutan dari kursus-kursus yang diadakan di sini ada di antara saudara-saudara akan dipilih untuk menghadiri kursus yang lebih tinggi di Kuala Lumpur. Ini memberi peluang yang baik bagi meluaskan pandangan supaya saudara-saudara dapat memerhati perkembangan pembangunan di luar kampung masing-masing, terutama pembangunan yang sedang pesat berjalan di sekitar ibu negara kita.

Akhir sekali, saya sekali lagi menyatakan harapan agar saudara-saudara sekalian menumpukan perhatian dan pemikiran terhadap ceramah-ceramah dan perbincangan-perbincangan yang diatur bagi kursus ini supaya saudara-saudara sekalian akan mendapat faedah yang sepenuhnya

Marilah kita menggembeling usaha untuk kemajuan.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang dialu-alukan oleh orang ramai setibanya untuk pembukaan rasmi kursus untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Kedah pada 11hb November, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)